



**LEMBAGA URUS
AIR SELANGOR (LUAS)**

**PERISYTIHARAN AKTIVITI PENGUBAHAN SUMBER
YANG TIDAK MEMERLUKAN KEBENARAN BERTULIS**

**LEMBAGA URUS AIR SELANGOR
18 MEI 2021
U016 – G2 – 001 – 03**

PRAKATA

Tujuan Perisytiharan Aktiviti Pengubahan Sumber Yang Tidak Memerlukan Kebenaran Bertulis ini adalah untuk memaklumkan senarai aktiviti dan kerja berkaitan sumber air yang tidak memerlukan Kebenaran Bertulis daripada Pengarah Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) seperti mana yang ditetapkan di dalam Seksyen 43, Enakmen LUAS, 1999.

Perisytiharan ini akan disemak dari semasa ke semasa supaya pengisytiharan ini lebih lengkap dan mengikut kesesuaian semasa.

PERISYTIHARAN AKTIVITI PENGUBAHAN SUMBER YANG TIDAK MEMERLUKAN KEBENARAN BERTULIS

1. PENDAHULUAN

- 1.1. Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) berperanan untuk memastikan sumber air, lembangan sungai, perairan pantai dan alam sekitarnya berada dalam keadaan terpelihara dan mampan.
- 1.2. Pengawalan aktiviti-aktiviti yang dijalankan berkaitan sumber air dibuat melalui kaedah pelesenan iaitu Kebenaran Bertulis bagi setiap aktiviti perubahan sumber yang dijalankan pada, di dalam atau di atas sesuatu sumber air yang terdiri daripada zon banjir, rizab sungai atau mana-mana zon perlindungan atau zon penampungan yang diisytiharkan di bawah Seksyen 48, Enakmen LUAS.
- 1.3. Ini adalah selaras dengan Seksyen 43(1), Enakmen LUAS yang menerangkan setiap aktiviti perubahan sumber air yang dijalankan perlu mendapatkan Kebenaran Bertulis daripada Pengarah LUAS.
- 1.4. Pengisytiharan aktiviti perubahan sumber yang tidak memerlukan kebenaran bagi sesuatu aktiviti perubahan sumber adalah di bawah bidang kuasa Pengarah di bawah Seksyen 43(1), Enakmen LUAS.
- 1.5. Peruntukan berkenaan pengisytiharan aktiviti perubahan sumber yang tidak memerlukan kebenaran pada Seksyen 43(1) di atas adalah umum tanpa menetapkan sebarang had atau syarat kepada mana-mana permohonan pengecualian kebenaran bertulis. Perkara ini boleh membuka pintu kepada kebanjiran permohonan dengan alasan yang remeh yang terpaksa diterima untuk dipertimbangkan oleh LUAS.
- 1.6. Pemberian Kebenaran Bertulis oleh LUAS adalah tertakluk kepada 21 hari bekerja berdasarkan Piagam Pelanggan bagi permohonan lengkap yang diterima.
- 1.7. Sehubungan itu, sebarang permohonan Pengisytiharan Aktiviti Perubahan Sumber Yang Tidak Memerlukan Kebenaran, tertakluk kepada syarat dan prosedur yang ditetapkan di bawah garis panduan ini.
- 1.8. Kriteria yang ditetapkan di bawah perisytiharan ini adalah bertujuan untuk;
 - a. Menjimatkan masa dalam membuat penilaian dan keputusan sama ada sesuatu permohonan itu perlu dipertimbangkan atau sebaliknya;

- b. Memastikan bahawa hanya pemohon yang menepati kriteria-kriteria yang digariskan sahaja yang boleh diisytihar Aktiviti Pengubahan Sumber Yang Tidak Memerlukan Kebenaran; dan
- c. Menyeragamkan prosedur saringan di LUAS berdasarkan kriteria-kriteria yang ditetapkan sahaja.

2. ISTILAH

- 2.1. Istilah yang digunakan di dalam garis panduan ini hendaklah ditafsirkan mengikut definisi yang dinyatakan di bawah Enakmen LUAS dan peraturan berkaitan Aktiviti Pengubahan Sumber melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain;
- 2.2. Perisytiharan ini disediakan bertujuan untuk memberikan penjelasan tentang bagi kerja atau aktiviti lain yang layak untuk diisytihar Aktiviti Pengubahan Sumber Yang Tidak Memerlukan Kebenaran;
- 2.3. Usaha sama adalah apa-apa pelaksanaan projek yang melibatkan perjanjian memorandum persefahaman atau kaedah lain yang ditetapkan Lembaga.
- 2.4. Pihak berkuasa awam ertinya mana-mana pihak yang menjalankan kuasa-kuasa yang terletak hak padanya oleh undang-undang Persekutuan atau undang-undang negeri, atau mana-mana orang yang dilantik oleh atau bertindak bagi mana-mana pihak berkuasa itu.

3. KRITERIA KELAYAKAN

- 3.1. Aktiviti pengubahan sumber berkenaan perkara-perkara berikut adalah dengan ini diisytiharkan sebagai tidak memerlukan kebenaran bertulis di bawah Seksyen 43(1), Enakmen LUAS, iaitu:
 - a. Kerja yang dilaksanakan dan disempurnakan dengan usaha sama LUAS;
 - b. Apa-apa struktur yang melintas seperti jambatan, titi dan sebagainya yang berkelebaran tidak melebihi 3 meter dan sesuatu sungai itu juga lebarnya tidak lebih 3 meter melainkan aliran yang boleh mendatangkan kemudaran sekiranya dialihkan, dilencongkan, dijajarkan, dikambus atau dikonkritkan tertakluk tetapi tidak terhad oleh kajian dan hidrologi yang disediakan;

- c. Kerja-kerja pemasangan lintasan, kabel dan paip yang berukuran kurang daripada 100 mm diameter (garis pusat) untuk kegunaan persendirian dan sesuatu sungai itu juga lebarnya tidak lebih 3m;
- d. Aktiviti pembaikan terhadap kerja atau struktur aktiviti perubahan sumber yang telah wujud sebelum 1 Mei 2000. Pembaikan yang melibatkan perubahan besar terhadap struktur hendaklah dimaklumkan terlebih dahulu secara bertulis kepada LUAS. Aktiviti pembaikan tidak mengubah struktur, saiz dan bahan utama struktur;
- e. Kerja yang direkabentuk, dilaksanakan dan disempurnakan sepenuhnya oleh agensi kerajaan dengan tidak menggunakan khidmat perunding dan/atau kontraktor swasta;
- f. Kerja-kerja pemulihan, pembaikan, pembersihan dan seumpamanya yang diarahkan di bawah kuasa perundangan LUAS atau pihak berkuasa awam (tafsiran);
- g. Peletakan peralatan menangkap ikan yang kecil seperti bubu, jala dan jaring yang tidak merentangi keseluruhan lebar sungai dan menjejaskan aliran sungai.
- h. Aktiviti pertanian sara diri (merujuk kepada Seksyen 45, Enakmen LUAS) di dalam rizab sungai bagi tanah yang diberi milik atau diberi kebenaran oleh pihak berkuasa yang tidak mengganggu kawasan penampakan bagi tujuan penyelenggaraan dan tidak menjejaskan aliran sungai;
- i. Kerja pembaikan, penyelenggaraan atau pemasangan yang melibatkan bangunan sedia ada di dalam kawasan zon perlindungan melainkan penambahan struktur baru dan sebarang kerja-kerja yang melibatkan sumber air selagi mana tidak bercanggah dengan tujuan sesuatu zon perlindungan ditubuhkan;
- j. Pembinaan struktur sementara di atas tanah bermilik untuk kegunaan peribadi dan tidak mengeluarkan sebarang bahan buangan. Struktur tersebut tidak boleh digunakan bagi menyimpan minyak, bahan kimia, racun makhluk perosak atau baja yang hanya dengan keluasan tidak melebihi 10m persegi;
- k. Kerja-kerja atau program yang diiktiraf oleh LUAS yang melibatkan pengindahan sungai atau badan air yang dijalankan oleh komuniti atau badan bukan kerajaan selagi mana kerja-kerja atau program yang dijalankan tidak bertentangan dengan pengisytiharan yang tidak memerlukan KB seperti kriteria kelayakan di atas.

4. KHIDMAT NASIHAT

- 4.1. Sebarang kemusykilan berkaitan Pengisytiharan Aktiviti Pengubahan Sumber Yang Tidak Memerlukan Kebenaran bolehlah dirujuk kepada LUAS. Permohonan keterangan lanjut mengenai kandungan dokumen ini boleh ditujukan kepada Unit Pengubahan Sumber, LUAS.

5. PENUTUP

- 5.1. Perisytiharan ini hendaklah berkuatkuasa serta merta.
- 5.2. Perisytiharan ini membatalkan pemakaian Garis Panduan Pengisytiharan Pengecualian Kebenaran Bertulis Bagi Aktiviti Pengubahan Sumber bertarikh 31 Julai 2018.

Bertarikh pada¹⁸haribulan Mei 2021.

.....
(Ts. HAJI HASRULNIZAM BIN SHAARI) A.M.S
Pengarah,
Lembaga Urus Air Selangor.